

P.U. (B) 49.

AKTA ZON BEBAS 1990

PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(2) Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438], Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Zon Bebas (Pindaan Jadual Pertama) 2021**.

(2) Pemberitahuan ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2021.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama kepada Akta Zon Bebas 1990 dipinda dengan memasukkan selepas butiran 22 butiran yang berikut:

| (1) | (2) |
|--|-------------------|
| Nama bagi Zon Perdagangan Bebas | Aktiviti-aktiviti |
| “23. <i>Pangkalan Kontena Butterworth Utara, Daerah Utara, Seberang Perai, Pulau Pinang:</i> | Perdagangan”. |

Kawasan yang terletak di Seksyen 2 dan Seksyen 4, bandar Butterworth, Daerah Utara, Seberang Perai, Pulau Pinang, yang dilingkungi oleh garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan *Warta* 2110 dan Pelan *Warta* 2111 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Pulau Pinang.

Bertarikh 21 Januari 2021

[KE.HD(122)009/17 Klt. 2(2); MOF.TAX(S)700-2/5/24; PN(PU2)485/XI]

DATO' SRI TENGGU ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

FREE ZONES ACT 1990

FREE ZONES (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) NOTIFICATION 2021

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(2) of the Free Zones Act 1990 [Act 438], the Minister makes the following notification:

Citation and commencement

1. (1) This notification may be cited as the **Free Zones (Amendment of First Schedule) Notification 2021**.

(2) This Notification comes into operation on 1 February 2021.

Amendment of First Schedule

2. The First Schedule to the Free Zones Act 1990 is amended by inserting after item 22 the following item:

| (1) | (2) |
|---|---------------------|
| Name of Free Commercial Zone | Activities |
| <p>“23. <i>North Butterworth Container Terminal, North District, Seberang Perai, Penang:</i></p> <p>The area situated in the Section 2 and Section 4, Butterworth town, North District, Seberang Perai, Penang, that is bounded by the grey line as shown in the <i>Gazette</i> Plan 2110 and <i>Gazette</i> Plan 2111 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Penang.</p> | <p>Commercial”.</p> |

Dated 21 January 2021

[KE.HD(122)009/17 Klt. 2(2); MOF.TAX(S)700-2/5/24; PN(PU2)485/XI]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

P.U. (B). 50.

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

NOTIS KEPADA PIHAK KETIGA

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 61(2) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], notis diberikan kepada mana-mana pihak ketiga yang menuntut mempunyai apa-apa kepentingan dalam harta yang dinyatakan dalam Jadual yang menjadi hal perkara dalam prosiding di bawah subseksyen 56(1) terhadap Lee Thiam Poh, Fong Yan Ching, Tay Boon Soon, Chong Jin Xiong, Wong Teck Kwang, Chang Soon Fah, Wong Yoke Moy dan Ragula Hotel Sdn. Bhd. supaya hadir di hadapan Mahkamah Tinggi 2, Johor Bahru pada 1 Mac 2021 jam 9.00 pagi untuk menunjukkan sebab mengapa harta itu tidak boleh dilucuthakkan.